



## ABSTRAK

Laporan Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pasir Mas merupakan hasil kajian yang dikendalikan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama In-Site Design sebagai panduan kepada Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) dalam menjalankan pembangunan landskap di sekitar kawasan jajahan Pasir Mas. Jangka masa pembangunan ini bermula dari tahun 2012 sehingga 2022, iaitu selama sepuluh (10) tahun.

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti potensi-potensi dan isu di kawasan jajahan Pasir Mas bagi membolehkan pembangunan dilaksanakan dengan berkesan dan optimum sesuai dengan tema PASIR MAS: BANDAR WARISAN ILMU. Kajian ini merangkumi kaedah analisis dan pemerhatian ke atas ciri-ciri fizikal, sosial, dan ekonomi ke atas jajahan Pasir Mas dalam menyediakan cadangan pembangunan landskap.

Laporan ini mampu membantu membangun dan menaik taraf kawasan sekitar jajahan Pasir Mas di samping dapat menaikkan taraf hidup masyarakat setempat dengan penyediaan reka bentuk landskap yang selesa dan selamat. Justeru, jajahan Pasir Mas dijangka akan membangun sebagai sebuah jajahan yang maju pada masa akan datang seiring dengan kawasan persekitaran yang menarik, cantik, beridentiti dan menarik minat pelancong.